

PM beri pandangan kritikal terhadap pengamal media

BH 21 AUG 2001

KAMPALA (Uganda), Isnin - Pengamal media dan beberapa pemimpin negara, termasuk presiden dan perdana menteri, masing-masing berkesempatan berkongsi pandangan dan kritikan sempena Dialog Antarabangsa Selatan Afrika-Global 2001 (SAID-Global 2001) di sini, semalam.

Masing-masing mengemukakan cadangan, kritikan malah rungutan mengenai layanan yang diberikan sama ada oleh pemimpin kepada pihak media atau wartawan kepada pemimpin dalam dialog lebih satu jam itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut memberi pandangan yang agak kritikal apabila memperkenalkan diri sebagai seorang yang datang dari negara yang "akhbarnya dikawal sepenuhnya."

"Saya terpaksa percaya perkara ini kerana akhbar *Asian Wall Street Journal* dan *Herald Tribune* menyatakan demikian walaupun kedua-dua akhbar berkenaan dibenarkan dicetak di Kuala Lumpur dan bebas untuk memburuk-burukkan Malaysia," katanya.

Perdana Menteri turut menceritakan pengalamannya sendiri bagaimana beliau "menghabiskan masa" seminggu bersama wartawan dan jurugambar Newsweek dan tiga hari bersama *Asiaweek* untuk melayan pelbagai pertanyaan dan mengikut pelbagai arahan jurugambar yang ingin mengambil gambarnya.

Katanya, beliau juga membenarkan penulis dan jurugambar majalah berkenaan mengikuti beliau membeli-belah di kompleks beli-belah pada hari minggu di mana orang ramai datang menemuinya dan bertanya khabar.

"Bagaimanapun, apa yang ditulis iaitu orang ramai takut bertemu saya di kompleks beli-belah ber-canggih sekali daripada keadaan sebenar, malah gambar saya yang disiarkan juga seolah-olah seorang yang hampir nak mati," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak peduli dengan laporan seperti itu tetapi kesal kerana penulis tidak menceritakan keadaan yang sebenar.

Katanya, apabila berlaku demonstrasi jalanan yang kecil di Kuala Lumpur satu ketika dulu, Cable News Network (CNN) menyiarkannya berulang-ulang kali seolah-olah Malaysia berada dalam kekacauan 24 jam sehingga menakutkan pelancong untuk datang ke Kuala Lumpur.

Turut sama dalam dialog itu ialah Presiden Uganda, Yoweri Museveni; Presiden Mozambique, Joaquim Chissano dan Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki. Antara wartawan yang turut serta pula ialah Pengarang akhbar New Vision dari Uganda, Robert Kabushenga; wartawan Financial Times, Mark Turner dan wartawan Reuters, Bill Maclean.

Terdahulu, Dr Mahathir, Museveni dan Chissano, menandatangani Deklarasi Munyonyo-Kampala Mengenai Media yang menandakan pembentukan Rangkaian Berita Pintar Antarabangsa (SNNi), satu program pertukaran berita berasaskan perkongsian pintar membabitkan akhbar dan agensi berita dari Malaysia dan beberapa negara Afrika lain.